

04 MAR 2000

Sukan-Sepak Takraw

PAHANG TUAN RUMAH PIALA DUNIA SEPAK TAKRAW PERILLY'S

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Para peminat sepak takraw boleh mengharapkan aksi-aksi menarik "kuasa-kuasa besar" dunia sepak takraw dalam kejohanan Sepak Takraw Piala Dunia Perilly's yang akan berlangsung di Kuantan dari 24-26 Mac.

Kejohanan itu di bawah naungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dikenali sebagai Piala Perdana dan sehingga hari ini, 16 regu dari 15 negara telah mengesahkan penyertaan mereka.

Teratas dalam senarai ialah Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei, Laos, Jepun, Pakistan, Sri Lanka, Kanada, China, Korea Selatan, India, Australia, Amerika Syarikat dan tuan rumah Malaysia yang akan menurunkan dua regu dalam kejohanan yang dibahagikan kepada empat kumpulan.

Di persidangan berita di sini, hari ini, presiden Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Datuk Saidin Thamby berkata: "sejumlah RM95,000 ditawarkan dengan juara akan membawa pulang RM15,000 dan Piala Dunia Perilly 2000 yang didambakan".

Pemenang tempat kedua akan mendapat RM12,000 sementara dua peserta separuh akhir yang tewas masing-masing menerima RM8,000, kata Saidin.

Acara itu, yang merupakan satu daripada empat pertandingan antarabangsa yang diperakui oleh Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (Istaf), merupakan satu-satunya kejohanan sepaktakraw yang menawarkan hadiah wang tunai.

"Tiada siapa yang akan pulang dengan tangan kosong kerana pemenang suku akhir masing-masing boleh mengharapkan RM6,000 sementara tempat ketiga dan keempat dalam kumpulan boleh membawa pulang antara RM4,000 dan RM3,000," kata Saidin.

Menurut Saidin, persatuan itu menganggarkan kos untuk menganjurkan acara itu sebanyak RM650,000 yang termasuk tambang udara, penginapan dan makanan bagi pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

"Kami menyediakan makanan dan penginapan bagi pasukan-pasukan yang mengambil bahagian termasuk 50 peratus bantuan bagi tambang udara. langkah itu adalah bagi memastikan semua pasukan tiba bagi kejohanan itu," katanya.

"Kami juga mengkaji kemungkinan menaja pasukan yang menghadapi masalah kewangan tetapi berminat menyertai kejohanan itu," katanya.

Untuk memastikan kejohanan itu berjalan lancar, PSM telah mendapatkan tajaan daripada rakan lamanya, Perilly's yang merupakan penaja utama dan yang lain sebagai penaja bersama termasuk Minolta, Stanz, TM Touch, Penerbangan Malaysia, Perodua dan Bleu.

Sebenarnya, usaha menghidupkan semula Piala Dunia pasti akan memberi rangsangan besar bagi sukan itu dalam usaha membawa impak di Sukan Olimpik.

Kali terakhir ia diadakan pada 1994. Oleh kerana masalah kewangan dan kekurangan penaja yang dihadapi PSM, ia terpaksa ditinggalkan daripada acara kalendar dan kali ini PSM bercadang menganjurkannya sekali setiap dua tahun, kata Saidin.

-- BERNAMA

AHA PR